


Soalan Objektif

- Antara berikut, yang manakah faktor perluasan kuasa dalam Tamadun India?
 - I Kekuatan pemimpin
 - II Diplomasi keagamaan
 - III Kekuatan ketenteraan
 - IV Peranan pembesar

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



- Apakah faktor yang menyebabkan Tamadun India berjaya dalam perluasan kuasa pada Zaman pemerintahan pemimpin di atas?
 - A Kelemahan pasukan lawan
 - B Pemerintahan berkuasa mutlak
 - C Kewibawaan pemimpin
 - D Kekuatan pasukan ketenteraan
- Mengapakah Asoka telah mengubah bentuk perluasan kuasa fizikal kepada perluasan kuasa keagamaan?
 - A Pasukan ketenteraannya menjadi lemah
 - B Ramai rakyat telah terkorban
 - C Kerajaannya tidak dapat ditandingi kerajaan lain
 - D Asoka tidak mahir dalam perluasan kuasa

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



- Apakah fungsi tiang tersebut kepada perkembangan Tamadun India?
 - A Tempat hukuman kepada pesalah
 - B Mencatatkan perkembangan negara
 - C Mencatatkan agama Buddha
 - D Mencatatkan peraturan dan undang-undang negara

- Apakah penekanan yang diberikan oleh Gupta dalam sistem pemerintahan semasa pemerintahan beliau?
 - I Agama Buddha
 - II Ketenteraan
 - III Seni bina
 - IV Kebudayaan

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- Apakah sumbangan Maharaja Han Wu Di dalam Tamadun China?
 - A Pembukaan laluan sutera
 - B Kemajuan dalam bidang pertanian
 - C Kemajuan dalam bidang pendidikan
 - D Kemajuan dalam bidang keagamaan
- Antara berikut, manakah pernyataan yang tepat berkaitan dinasti dalam Tamadun China?
 - I Dinasti Han memperkenalkan pendidikan sekolah rendah
 - II Dinasti Shang terkenal dalam bidang perundangan
 - III Dinasti Qin adalah kerajaan paling utama di China
 - IV Dinasti Han memperkenalkan sistem pemilihan pegawai kerajaan

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV
- Apakah sumbangan Cai Lun dalam perkembangan sistem pendidikan Tamadun China?
 - A Mencipta kertas
 - B Sistem pemilihan pegawai kerajaan
 - C Sistem peperiksaan perkhidmatan awam
 - D Menyeragamkan sistem tulisan
- Antara berikut, yang manakah ciri-ciri Peperiksaan perkhidmatan awam yang diperkenalkan dalam Tamadun China?
 - I Semua masyarakat dibenarkan menduduki peperiksaan
 - II Peperiksaan yang tidak kompetitif
 - III Dikawal dengan ketat
 - IV Mengekalkan tradisi dan budaya China

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV
- Apakah tujuan peperiksaan perkhidmatan awam dilakukan dalam Tamadun China?
 - A Menjadi ahli falsafah
 - B Dilantik sebagai pemerintah
 - C Kemasukan ke sekolah tinggi
 - D Memilih kakitangan kerajaan